

## Sembang Santai JB

'Sepetang Bersama Dr Ridwan Kamil'  
Kurator Ibu Kota Nusantara (IKN) Indonesia



## Sembang Santai Johor Bahru

BERSAMA DR. RIDWAN KAMIL,  
KURATOR IBU KOTA NUSANTARA, INDONESIA



**DATUK BANDAR  
JOHOR BAHRU  
TERIMA ANUGERAH  
PDRM**



**MAJLIS PENUTUP  
FESTIVAL BUNGA  
DAN  
TAMAN PUTRAJAYA  
2024**

**JOHOR SMART CITY DAY  
@ PERSADA JOHOR**



“UNTUK MENDAPATKAN APA YANG KAMU CINTAI, KAMU HARUS TERLEBIH DAHULU BERSABAR DENGAN APA YANG KAMU BENCI”

- IMAM AL-GHAZALI

## SIDANG PENGARANG ‘LENSA BANDAR RAYA JB’

### M/S 3

- TINJAUAN YAB MENTERI BESAR JOHOR KE FASILITI HUTAN BANDAR JOHOR BAHRU, TMIYC JB & TAMAN MERDEKA
- SESI PENYERAHAN ASET KERJA KEPADA ANGGOTA SKUAD KILAT MBJB

### M/S 4

- PROGRAM IBADAH KORBAN & AKIKAH MBJB
- JB NEON RECREATIONAL NIGHT EDISI LESTARI 2024

### M/S 5

- KERAIAN 100 TAHUN TAMBAK JOHOR PENGHUBUNG NEGARA MALAYSIA DAN SINGAPURA
- SESI LELONGAN BARANGAN SITAAN

### M/S 6

- PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB PBT) 2024
- DATUK BANDAR JOHOR BAHRU & PEGAWAI MBJB TERIMA PENGHARGAAN PDRM

### M/S 7

- MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PEMENANG CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2023
- MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM PENDIDIKAN KELESTARIAN LA21

### M/S 8

- INFO LAWATAN

### M/S 9

- SIRI BACA BUKU @ MBJB DEDAH PERKONGSIAN ULASAN DARI SUDUT PANDANG PEMBACA
- MBJB TERIMA ANUGERAH JOHOR SMART CITY AWARD “BEST SMART CITY INITIATIVE” 2024

### M/S 10

- LAWATAN RASMI DR (H.C.) MOCHAMAD RIDWAN KAMIL ST. MUD., KURATOR IBU KOTA NUSANTARA, KE BANDAR RAYA JOHOR BAHRU DAN PROGRAM “SEMBANG SANTAI JB: SEPETANG BERSAMA DR. RIDWAN KAMIL”
- MBJB LEBARKAN KERJASAMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA BERSAMA CITY OF SHANTOU, THE PEOPLE’S REPUBLIC OF CHINA

### M/S 11

- LENS A PODCAST LEPAK BANDO JB

### M/S 12-13

- KILAS LENS A

### M/S 14

- LENS A SUKAN

### M/S 15

- PROGRAM SEMARAK MERDEKA
- PERTANDINGAN PERINGKAT AKHIR JB STAR

### M/S 16

- MAJLIS PENUTUP FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN PUTRAJAYA 2024 (FLORIA PUTRAJAYA 2024)
- FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN PUTRAJAYA 2024 (FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2024)

### M/S 17

- EXCEL MBJB

### M/S 18

- PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21

### M/S 19

- MBJB SANA SINI



#### PENAUANG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman  
Datuk Bandar Johor Bahru

#### PENASIHAT 1

Tuan Haji Mohd Farid bin Hassan  
Setiausaha

#### KETUA PENGARANG

Encik Harulisam bin Ismail

#### PENASIHAT 2

Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad  
Timbalan Setiausaha

#### PENGARANG/KOLUMNIS

Encik Mohd Syazwan bin Abdul Rauf  
Encik Muhammad Iqbal Aرامي bin Mohamed Sharif  
Cik Nurul Shafina binti Shaari  
Puan Nur Quratulaini binti Kamaruzaman

#### JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah  
Encik Romzi bin Yusof

#### JURUSETIA

Unit Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.



IMBAS QR UNTUK  
DIREKTORI TELEFON  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

## TINJAUAN YAB MENTERI BESAR JOHOR KE FASILITI HUTAN BANDAR JOHOR BAHRU, TMIYC JB & TAMAN MERDEKA



**Selasa, 11 Jun 2024** | Hutan Bandar Johor Bahru – Sekitar kunjungan YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, bersama-sama Datuk Bandar Johor Bahru, Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MBBJ ke Hutan Bandar Johor Bahru, Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru dan Taman Merdeka petang tadi.

Hutan Bandar Johor Bahru adalah merupakan nadi kawasan hijau dipusat bandar Johor Bahru. Kawasan hijau seluas 50 ekar ini akan diberi suntikan peruntukan kewangan bagi menaiktaraf sebahagian kawasan hutan bandar Johor Bahru pada tempoh 2024 - 2025. Peruntukan ini akan terbahagi kepada 3 pakej pembangunan yang bakal memberi nafas baru selain menyediakan kemudahan rekreasi yg terbaik kepada rakyat. Antara pakej yg akan dibangunkan ialah:

1. Bangunan (pengurusan, dewan terbuka, tandas, menara dan chalet) dan Pintu Masuk Utama Hutan Bandar
2. Infrastruktur dan laluan pejalan kaki
3. Kemudahan Rekreasi, Taman Tema Air & 4 Set taman permainan bersepadu

Pembangunan ini dijangka mengambil masa 1 tahun dan dijangka siap menjelang Januari sempena Tahun Melawat Johor 2026.



## SESI PENYERAHAN ASET KERJA KEPADA ANGGOTA SKUAD KILAT MBBJ

**Sabtu, 13 Jun 2024** | Dalam usaha berterusan untuk menangani aduan-aduan awam berbentuk kecemasan di kawasan bandar raya ini, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) hari ini telah menyerahkan beberapa tambahan unit aset kerja kepada anggota Skuad Kilat MBBJ bagi menangani aduan bersifat kecemasan dan bencana dalam kawasan pentadbiran MBBJ yang memerlukan tindakan pantas dan segera.

Untuk makluman, Skuad Kilat MBBJ akan melaksanakan tindakan 'first response' terhadap aduan kecemasan atau bencana, manakala langkah penyelesaian susulan yang lebih komprehensif dan lengkap dalam jangka masa pendek, sederhana atau panjang tetap akan dilaksanakan secara bersepadu oleh MBBJ bersama-sama rakan operasi dari agensi kerajaan yang lain.

Tambahan lagi, melalui *Johor Bahru Integrated Operations Control Centre* (JBIOCC) atau Pusat Kawalan Operasi Bersepadu Johor Bahru di Aras 15 Menara MBBJ yang telah beroperasi melibatkan beberapa jabatan dalam MBBJ termasuk Skuad Kilat, tindakan segera 'first response' terhadap kejadian kecemasan atau bencana dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan efisien.

**Warga bandar raya yang mempunyai sebarang aduan kecemasan boleh hubungi Skuad Kilat MBBJ di talian hotline 1300-88-0146, talian am MBBJ 07-2198000 (waktu pejabat), talian Whatsapp 0197788212 serta aplikasi Rakyat Responz.**



## PROGRAM IBADAH KORBAN & AKIKAH MBBJ

**Rabu, 19 Jun 2024** | Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan Program Ibadah Korban dan Akikah Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 19 Jun 2024 bermula jam 7.30 pagi di Stor Pusat Jabatan Khidmat Pengurusan MBJB, Taman Mount Austin.

Beberapa warga kerja MBJB yang terdiri daripada anggota Jabatan Khidmat Pengurusan, Pelesenan, Kejuruteraan, Pembangunan Masyarakat, Penilaian, Pengurusan, Landskap, Pengurusan Harta, Perbendaharaan, Kesihatan, Penguatkuasa, Perancang Bangunan, Ukur Bahan serta Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru terlibat menjayakan program ini.

Sebanyak 12 ekor lembu yang telah ditetapkan bahagiannya dan nama, bersamaan 84 peserta untuk program korban kali ini. Edaran daging korban telah diagihkan kepada pihak Yayasan Bandaraya Johor Bahru, Persatuan Saudara Baru Daerah Johor Bahru, Asnaf Masjid An Nur Stulang Laut, Asnaf Masjid Al-Makmur Taman Kobena, Asnaf Masjid An-Najah Taman Daya, Asnaf Surau Assolawatil Hikmah, PPR Taman Desa Mutiara dan Rumah Perlindungan Qaseh Darul Fikrah.

## JB NEON RECREATIONAL NIGHT EDISI LESTARI 2024



**Jumaat, 28 Jun 2024** | Tunku Mahkota Ismail Youth Centre, Johor Bahru. Rangkaian gambar sekitar JB Neon Recreational Night Edisi Lestari 2024.

Terima kasih kepada semua rakan strategik JB Neon dan 1,123 warga bandar raya yang hadir menjayakan program. Kutipan sampah kitar semula dalam program ini adalah sebanyak 2,200kg dan 270kg minyak masak terpakai berjaya dikumpulkan! Kini, para peserta boleh menyertai program JB Neon Care di mana 3 klinik disediakan secara percuma iaitu Klinik Pengurusan Berat Badan, Klinik Berhenti Merokok dan Klinik Kesihatan Mental dalam setiap program JB Neon Recreational Night.

Jumpa lagi di JB Neon Recreational Night dalam bulan-bulan akan datang!

## KERAJIAN 100 TAHUN TAMBAK JOHOR PENGIHUBUNG NEGARA MALAYSIA DAN SINGAPURA

**Jumaat , 28 Jun 2024** | Tambak Johor telah mencatat memori tersendiri dan telah mencecah usia 100 tahun seterusnya menandakan kekuatan hubungan antara dua negara iaitu Malaysia dan Singapura yang dipisahkan hanya dengan rangkaian jalan raya sepanjang 1,056 meter.

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru turut berkesempatan meraikan detik bersejarah tersebut. Sebagai simbolik keraian, sebanyak 100 burung merpati dilepaskan dari sangkar di tambak berkenaan. Pelepasan 100 ekor burung merpati itu telah disempurnakan oleh Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail bersama Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Menteri Luar Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan.



**100**  
(1924-2024)  
Tahun  
Gemilang Tambak Johor



## SESI LELONGAN BARANGAN SITAAN MBBB BIL 1 / 2024

**Ahad , 30 Jun 2024** | Sesi lelongan barang sitaan pertama bagi tahun 2024 telah diadakan di Panggung Cempaka Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Barangan sitaan tersebut adalah hasil rampasan/sitaan daripada kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010 dan Undang-Undang Kecil Penjaja (MBJB) (Pindaan) 2020, Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) (Pindaan) 2004, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBJB) 2016.

Sebanyak 215 lot barangan yang ditawarkan untuk sesi lelongan ini dan sebanyak 209 lot barang telah berjaya dilelong. 144 jenis barangan sitaan dalam lot lelongan tersebut antaranya kerusi, sofa, roro, tong gas, peti sejuk terpakai dan banyak lagi. Sesi lelongan kali ini disertai seramai 45 orang pembida daripada 148 pembida berdaftar. Jumlah hasil kutipan pada kali ini berjumlah RM 96,972.00.

# PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB PBT) 2024

**Isnin, 22 Julai 2024** | Sekitar Sesi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (SPB-PBT) di Dewan Kenanga, Menara MBBJ hari ini. Sebanyak 4 kriteria utama dan 17 sub-kriteria telah dinilai oleh pasukan inspektorat KPKT merangkumi aspek pengurusan organisasi, perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT, pengurusan pelanggan serta aspek penyertaan komuniti dan penglibatan masyarakat bersama PBT.

Delegasi inspektorat yang diketuai oleh Puan Norhalimah binti Mohd Yusoff, Pengarah Bahagian Inspektorat Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT, turut melawat *Johor Bahru Integrated Operations Control Centre (JBIOCC)* dan Sudut Lestari Perpustakaan Sultan Ismail hari ini.



## DATUK BANDAR JOHOR BAHRU & PEGAWAI MBBJ TERIMA PENGHARGAAN PDRM

**Selasa, 30 Julai 2024** | Tahniah YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, dan Ir. Choo Kok Wah, Penolong Pengarah Pengangkutan Bandar (Bahagian Lalulintas & Pengangkutan Bandar) merangkap Kommander *Johor Bahru Integrated Operations Control Centre (JBIOCC)*, di atas penerimaan Sijil Penghargaan daripada Polis Diraja Malaysia.

Sijil Penghargaan ini telah disampaikan oleh YDH CP Tuan M Kumar A/L Muthuvelu, Ketua Polis Johor, di Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor hari ini.

Penghargaan ini diberikan di atas kerjasama baik MBBJ menerusi JBIOCC yang menyalurkan maklumat diperlukan PDRM dalam menyelesaikan kes-kes jenayah serta membantu usaha kawalan trafik di bandar raya Johor Bahru ini.

**Rabu , 31 Julai 2024** | Telah diadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Cabutan Bertuah Cukai Harta 2023, iaitu selepas sesi Mesyuarat Penuh MBBJ Bil. 7/2024 di Dewan Inai Merah, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Jumlah pegangan yang terlibat dalam Cabutan Bertuah Cukai Harta 2023 ini adalah sebanyak 93,824 akaun.

Seramai 129 pemenang keseluruhan bagi Cabutan Bertuah Cukai Harta 2023 ini. Pemenang adalah dalam senarai pemilik yang telah menjelaskan kesemua cukai harta dan tunggakan sebelum atau pada 31 Oktober 2023. Hadiah keseluruhan yang ditawarkan berjumlah RM 100,000.00 bagi tiga kategori yang ditetapkan.

Bagi kategori pembayaran dalam talian (*online*), pemenang utamanya membawa pulang sebuah *Microsoft Surface* bernilai RM 8,000.00, tempat kedua memenangi sebuah komputer riba bernilai RM 3,000.00, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM2,000.00, tempat keempat membawa pulang wang tunai RM1,000.00 dan kelima menerima baucar cukai harta RM500.00.

Manakala bagi kategori pembayaran selain dalam talian (melalui kaunter/kios MBBJ), pemenang hadiah utama memperoleh sebuah iPhone 14 bernilai RM4,000.00, seunit 'Smart Watch' bernilai RM 500.00 di tempat kedua dan baucar cukai harta RM 500.00 di tempat ketiga. Bagi kategori kawasan Ahli Majlis MBBJ, pemenang di tempat pertama, kedua dan ketiga masing-masing membawa pulang baucar cukai harta bernilai RM 500.00, RM 300.00 dan RM 200.00.

Terdahulu, majlis cabutan nama bagi pemenang Cabutan Bertuah Cukai Harta 2023 ini telah diadakan pada 29 Februari 2024 dan telah disempurnakan oleh YB Datuk Bandar Johor Bahru, Setiausaha, Timbalan Setiausaha serta Ahli-Ahli Majlis MBBJ.



## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PEMENANG CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2023

### MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM PENDIDIKAN KELESTARIAN LA21

**Ahad , 5 Ogos 2024** | Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Program Pendidikan Kelestarian LA21 pada 5 Ogos 2024 di Menara MBBJ. Program ini melibatkan semua sekolah dalam kawasan MBBJ dan telah bermula pada 20 Oktober hingga 28 Disember 2023. Sebanyak 156 penyertaan diterima daripada 9 kategori yang dipertandingkan.

Kaedah penjurian dilaksanakan secara cerapan daripada sistem e-LESTARI dan pemeriksaan fizikal ke sekolah yang tersenarai sebagai pemenang. Panel juri terdiri daripada pihak JPNJ, MBBJ dan UTM.

Kategori hadiah yang dipertandingkan adalah seperti kategori Guru Lestari LA21, kategori



Sekolah Showcase, kategori Sekolah Transisi, kategori Sekolah Baru, kategori Minyak Masak Terpakai, kategori Kitar Semula, kategori Penjimatan Elektrik, kategori Penjimatan Air dan kategori Khas PIBG. Syabas dan tahniah kepada semua pemenang dan semua pihak yang telah menjayakan program ini.





## 11 Jun 2024 | Lawatan Perbadanan Pengangkutan Awam Johor

**Info :** Delegasi diketuai oleh Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PAJ, serta para pegawai PAJ telah hadir bertujuan mendapatkan taklimat dan penerangan berkaitan *Ibrahim International Business District (IIBD)* dan *The Greater JB* bagi kawasan MBBJ. Taklimat dan perkongsian telah disampaikan oleh Puan Norbaizura binti Md. Zin, Ketua Penolong Pengarah Perancangan Pembangunan (Rancangan Pemajuan) dan Ts. Ir. Choo Kok Wah, Penolong Pengarah Pengangkutan Bandar (Lalulintas & Pengangkutan Bandar).



## 4 Julai 2024 | Lawatan Teknikal Institusi Jurutera Malaysia (Cawangan Selatan) IEM (Southern Branch)

**Info :** Delegasi seramai 30 orang ini diketuai oleh Ir. David Puen Ming Shen selaku Pengerusi IEM (Southern Branch) ingin melihat dan mempelajari pengurusan operasi *Johor Bahru Integrated Operations Control Centre (JBIOCC)* di MBBJ. Delegasi juga membuat lawatan teknikal ke *Coronation Square* yang terletak di *Ibrahim International Business District (IIBD)* di pusat bandar raya Johor Bahru.



## 10 Julai 2024 | Lawatan Penandaarasan Lembaga Administrasi Negara Republik Indonesia

**Info :** Delegasi seramai 80 orang penjawat awam Republik Indonesia ini diketuai oleh Dr. Andi Taufik selaku Kepala Pusat Pelatihan dan Pengembangan dan Kajian Manajemen Pemerintahan Lembaga Administrasi Negara Republik Indonesia. Tujuan lawatan ini bagi mendapat perkongsian pengalaman dan amalan terbaik dari aspek pembangunan kompetensi sumber manusia, perkhidmatan alam sekitar, pengurusan sisa pepejal, pengurusan pelancongan mampan dan transformasi governans perkhidmatan awam.



## 18 Julai 2024 | Lawatan Penandaarasan Delegasi MBBJ Ke Majlis Perbandaran Taiping (MPT)

**Info :** Delegasi diketuai oleh YBhg. Datuk Wira Sheikh Nafiq Al Firdaus, Ahli Majlis MBBJ Zon Bandar merangkap Pengerusi JK Pelancongan dan Rekreasi LA21 MBBJ, hadir di MPT bagi tujuan penandaarasan dan perkongsian amalan terbaik pembangunan infrastruktur pelancongan selain mendengar taklimat mengenai tanaman 'Gutta Percha' di daerah Taiping, Perak. Kehadiran delegasi MBBJ telah disambut oleh Y. Brs. Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, dan Y.Brs. Clr. Kuang Kok Hoo, Ketua Ahli Majlis 2, serta ketua-ketua jabatan dan pegawai Majlis Perbandaran Taiping.



## 25 Julai 2024 | Lawatan Delegasi Changzhou Youth Activity Centre, People's Republic Of China

**Info :** Delegasi ini terdiri daripada 33 pelajar *Changzhou Youth Choir* diketuai oleh Mr. Wang Jun, Deputy Director of *Changzhou International Exchange Centre*. Delegasi ini telah disambut oleh Encik Bong Seng Heng, Ahli Majlis MBBJ Zon Stulang, selaku wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru. Delegasi lawatan telah diberikan penerangan berkaitan latar belakang bandar raya Johor Bahru dan melawat *Johor Bahru Integrated Operations Control Centre, Tunku Mahkota Ismail Youth Centre Johor Bahru* dan SJK (C) Foon Yew 2. Hubungan dua hala di antara organisasi ini dan bandar raya Changzhou ini telah dibentuk melalui pemeteraian kerjasama bandar berkembar (Sister Cities) pada tahun 2016 bagi kerjasama dalam pelbagai perkara seperti ekonomi, budaya, pendidikan, teknologi dan sebagainya



## 19 Ogos 2024 | Lawatan Teknikal Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

**Info :** Seramai 29 orang delegasi dari Fakulti Kejuruteraan Awam UTM yang terdiri daripada ahli akademik dan penyelidik telah hadir ke Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bagi melihat dan mempelajari pengurusan operasi *Johor Bahru Integrated Operations Control Centre (JBIOCC)* di Tingkat 15 Menara MBBJ. Delegasi diketuai oleh Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohamad Hidayat bin Jamal telah diberikan penerangan secara terperinci dan jelas berkenaan operasi JBIOCC di MBBJ oleh Ts. Ir. Choo Kok Wah, Penolong Pengarah Pengangkutan Bandar, merangkap Komander JBIOCC MBBJ. Lawatan teknikal ini bertujuan untuk memberi maklumat berkaitan teknologi terkini yang diaplikasi oleh MBBJ dalam pengurusan bandar raya, alam sekitar, saluran, keselamatan dan pengangkutan ke arah "smart city".



## Siri Baca Buku @MBJB

### DEDAH PERKONGSIAN ULASAN DARI SUDUT PANDANG PEMBACA

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) melalui Bahagian Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru giat menjalankan program bersiri mengenai resensi buku dengan judul "Bicara Buku @MBJB" yang melibatkan pegawai dalam kumpulan pengurusan & profesional MBJB. Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada mereka selaku pembaca untuk berkongsi ulasan, komentar dan penilaian tentang sesebuah buku yang telah dibaca. Siri ini juga diharap dapat mendidik warga kerja MBJB untuk memupuk sikap minat membaca dan menimba ilmu pengetahuan baharu daripada tabiat membaca.

**Rabu, 5 Jun 2024** | Pada bicara kali ini, dua orang pegawai MBJB, iaitu Tuan Haji Abdul Jalil bin Tasliman, Pengarah Kawalan Bangunan merangkap Ketua Penyelaras Strategik & Projek Khas MBJB telah membicarakan buku berjudul 'Dinasti Perbankan', digandingkan bersama Dr. Muhammad Khairi Bin Sulaiman, Ketua Penolong Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) MBJB membicarakan buku berjudul 'Dare to Fail'. Moderator siri Bicara Buku kali ini dikendalikan oleh Ustaz Muhammad Aiman Bin Ahmad, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Bahagian Hal Ehwal Islam MBJB.

**Selasa, 9 Julai 2024** | Edisi kali ini menampilkan dua orang pegawai MBJB, iaitu Puan Khairunnadia Binti Kamarudin, Penolong Pengarah Pembangunan Masyarakat (Sukan) MBJB telah membicarakan buku berjudul 'Kigai', digandingkan bersama Encik Danial Luqman Bin A. Jabar, Penolong Pengarah Kejuruteraan (Jalan) MBJB membicarakan buku berjudul 'Don't Wake The Bear Hare'. Moderator siri Bicara Buku kali ini dikendalikan oleh Encik Mohd Fadzil Bin Mohd Zaki, Penolong Pengarah Landskap, Bahagian Pembangunan Landskap dan Rekreasi MBJB.

## MBJB TERIMA ANUGERAH JOHOR SMART CITY AWARD 'BEST SMART CITY INITIATIVE' 2024

**Selasa, 6 Ogos 2024** | Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) hari ini menerima anugerah *Johor Smart City Award 'Best Smart City Initiative - Government Agency Category'* di *Johor Smart City Day 2024* bagi inisiatif pembangunan *Johor Bahru Integrated Operations Control Centre (JBIOCC)* di *Persada Johor International Convention Centre*

Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Haji Mohd. Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Semoga JBIOCC terus menjadi impetus pembangunan bandar raya pintar, mampan dan selamat serta menambahkan aspek penggubalan dasar-dasar pembangunan berdasarkan analisa data yang sistematik.



# LAWATAN RASMI DR. (H.C.) MOCHAMAD RIDWAN KAMIL ST. MUD., KURATOR IBU KOTA NUSANTARA, KE BANDAR RAYA JOHOR BAHRU DAN PROGRAM 'SEMBANG SANTAI JB: SEPETANG BERSAMA DR. RIDWAN KAMIL'



**Isnin , 5 Ogos 2024** | Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima lawatan rasmi Dr. (H.C.) Mochamad Ridwan Kamil ST. MUD., Kurator Ibu Kota Nusantara (IKN) Republik Indonesia, di Menara MBJB.

Hadir menyambut ketibaan Dr. Ridwan Kamil ialah YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama-sama barisan Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MBJB.

Sesuai kunjungan hormat ke Pejabat Datuk Bandar Johor Bahru, Dr. Ridwan Kamil turut dibawa melawat ke *Johor Bahru Integrated Operations Centre* (JBIOCC) sebelum beliau memberikan perkongsian ilmu, pengalaman dan pandangan dalam pembangunan bandar raya mampan dan pintar semasa program 'Sembang Santai JB' bersama-sama Datuk Bandar Johor Bahru dan Datuk Wira Sheikh Ahmad Nafiq Alfirdaus, Ahli Majlis MBJB Zon Bandar, selaku moderator.

Dr. Ridwan juga berkesempatan mengadakan 'walkabout' di sekitar Legaran Segget dan ke *Tunku Mahkota Ismail Youth Centre* (TMIYC) Johor Bahru.

Untuk makluman warga bandar raya, Dr. Ridwan Kamil adalah merupakan tokoh pembangunan bandar mampan yang tidak asing lagi di peringkat global. Menerusi pengalamannya sebagai mantan Walikota Bandung serta Gubernur Jawa Barat dan kini sebagai Kurator Ibu Kota Nusantara, Republik Indonesia, pelbagai pengalaman, pengetahuan dan amalan terbaik beliau dalam pembangunan bandar pintar dan lestari telah dikongsi bersama dalam sesi lawatan rasmi dan program Sembang Santai JB hari ini. Semoga hubungan dua hala ini terus kukuh dan produktif untuk manfaat bersama.

## MBJB LEBARKAN KERJASAMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA BERSAMA CITY OF SHANTOU, THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

**Sabtu , 10 Ogos 2024** | Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) melebarkan kerjasama di pentas antarabangsa melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (*MOU On Promoting Friendly Exchanges and Cooperation*) bersama *City of Shantou, Guangdong Province, The People's Republic of China*, di Menara MBJB hari ini.

Menerusi pemeteraian MOU ini, MBJB dan City of Shantou akan bekerjasama dalam pelbagai aspek seperti pelancongan, pendidikan, pertukaran budaya, perdagangan, ekonomi, teknologi, seni dan lain-lain lagi.

Hadir menyambut ketibaan delegasi Shantou ini ialah YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama-sama barisan Ahli Majlis, pengurusan tertinggi dan ketua-ketua jabatan MBJB.

Mengetuai delegasi *City of Shantou* ialah Mr. Wen Zhanbin, *Party Secretary of Shantou Municipal Committee*, bersama-sama Mr. Li Zhao, *Vice Mayor of Shantou Municipal People's Government*, Mr. Li Hong Zhao *Director of Shantou Foreign Affairs Bureau*, Mr. Hong Yuehao *Director of Shantou Overseas Chinese Affairs Bureau and Chairman of Shantou Overseas Chinese Federation* serta para pegawai *City of Shantou, the People's Republic of China*

Untuk makluman warga bandar raya, tahun 2024 ini juga adalah ulang tahun ke-50 hubungan diplomasi antara Malaysia dan *The People's Republic of China*.



# LENSA **PODCAST LEPAK BANDO JB**



'Podcast Lepak Bando JB' kali ini menampilkan terbitan beberapa episod yang dihoskan oleh Encik Mohd Syazwan bin Abdul Rauf, Ketua Penolong Pengarah Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Sebanyak empat episod berjaya diterbitkan untuk edisi kali ini bersama panel jemputan yang mengupas isu semasa berkaitan 'smart city', kebersihan bandar, perubahan semasa bandar raya dan sistem saliran di bandar raya Johor Bahru. 'Podcast Lepak Bando JB' membincangkan isu-isu semasa secara santai yang menjadi trend terkini di samping mempromosi nama MBBJ dari medium yang lain.

**Episod 6 :** Edisi Bersama Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru  
(Tajuk Podcast: 'JB Dulu vs Sekarang')



**Episod 4 :** Edisi Bersama Encik Mohd Rafi bin Jasman, Pengarah Pengangkutan Bandar, MBBJ  
(Tajuk Podcast: 'Selamat Ke Turun Bando JB?')



**Episod 5 :** Edisi Bersama Encik Assahidin bin Abdul Manap, Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan, MBBJ  
(Tajuk Podcast: 'JB Bersih Part 2')



**Episod 7 :** Edisi Bersama Tuan Haji Mohd Fadzil Suhaimi bin Talbin, Ketua Penolong Pengarah Kejuruteraan (Saliran & Pengurusan Sungai)  
(Tajuk Podcast: 'Teruk Sangat Ke Banjir Dekat JB Ni?')



Imbas Kod QR untuk menonton siri 'Podcast' terbitan MBBJ



Sekitar aktiviti kru produksi semasa sesi rakaman 'Podcast Lepak Bando JB'.



**19 - 22 Jun 2024 | Majlis Penutupan & Penyampaian Hadiah Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar Johor Bahru Malaysia Terbuka 2024 (Kategori Lelaki)**

**Info :** Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Miswan bin Yunus, Setiausaha MBBJ, Encik Franco Liu Presiden Persatuan Bola Tampar Amatur Negeri Johor dan Encik Mohammad Taqiyuddin Bin Poniran, Penolong Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor. Pertandingan kategori lelaki telah diadakan bermula 19 Jun hingga 22 Jun 2024 bertempat di Arena MBBJ, Larkin, Johor Bahru. Terdapat dua (2) peringkat kejohanan yang dipertandingkan bagi Kategori Lelaki iaitu Peringkat Amatur sebanyak enam (6) penyertaan serta Peringkat Terbuka sebanyak tujuh (7) penyertaan terdiri daripada pasukan dari Negeri Johor (2 pasukan), pasukan Majlis Bandaraya Shah Alam, pasukan Kuala Lumpur, pasukan Negara Singapura (2 pasukan) dan pasukan dari Negara India.



**01 - 02 Julai 2024 | Kursus Warden Trafik PBT Negeri Johor**

**Info :** Kursus ini telah dijalankan pada 1-2 Julai 2024. Jurulatih terdiri daripada barisan jurulatih Dewan Bandaraya Johor Bahru, Penolong Pesuruhjaya Tuan Mohd Hisham bin Hj Izhar, Setiausaha Negeri Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pontian, Majlis Perbandaran Segamat, Majlis Perbandaran Muar dan Majlis Perbandaran Mambong hadir dalam program ini. Kursus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan khususnya warden trafik untuk lebih cekap dalam menjalankan tugas harian mengikut etika, dan prosedur.



**24 - 27 Jun 2024 | Majlis Penutupan & Penyampaian Hadiah Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar Johor Bahru Malaysia Terbuka 2024 (Kategori Perempuan)**

**Info :** Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ, Franco Liu Presiden Persatuan Bola Tampar Amatur Negeri Johor dan wakil Majlis Sukan Negeri Johor. Kategori Perempuan telah diadakan bermula 24 Jun hingga 27 Jun 2024 bertempat di Stadium Tertutup Arena MBBJ, Larkin, Johor Bahru. Terdapat dua peringkat kejohanan yang dipertandingkan bagi Kategori Perempuan iaitu Peringkat Amatur sebanyak tiga (3) penyertaan serta Peringkat Terbuka sebanyak lima (5) penyertaan terdiri daripada pasukan dari Negeri Johor (2 pasukan), pasukan Majlis Bandaraya Shah Alam, pasukan Kuala Lumpur, pasukan Negara Mongolia, pasukan Pahang, pasukan SUKMA Johor dan pasukan dari Hero 99 Malaysia.



**24 Jun 2024 | Ceramah Integriti Dengan Kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Johor : Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD)**



**Info :** Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menganjurkan program ceramah integriti dengan kerjasama AADK Negeri Johor: Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD). Ceramah telah disampaikan oleh Encik Muhamad Zulhilmil bin Ahmat, pegawai dari Agensi Antidadah Negeri Johor. Seramai 34 orang anggota MBBJ telah mengikuti program ini. Antara objektif ceramah ini ialah memberi pendedahan kepada majikan dan pekerja mengenai penyalahgunaan dadah di tempat kerja, mendidik majikan dan pekerja mengenai pencegahan penyalahgunaan dadah, memberi kemahiran mengurus masalah penyalahgunaan dadah di tempat kerja kepada majikan dan menyediakan program pemulihan yang berkesan dan mencegah penyalahgunaan dadah di tempat kerja serta mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

**KR  
LEN**



LENSA SUKAN

**PANDU MISTERI**

Khamis, 1 Ogos 2024

Lokasi : Bandar Melaka-Jasin-Alor Gajah



**PANDU MISTERI**

**BADMINTON BERPASUKAN**

Khamis, 1 Ogos 2024

Lokasi : BSmazh Sport Planet Bukit Rambai

**BADMINTON BERPASUKAN**



**PERMAINAN KAROM**

Jumaat, 2-3 Ogos 2024

Lokasi : Dewan Seri Bougavilla  
M.P. Alor Gajah



**PERMAINAN KAROM**

**PINGPONG BERPASUKAN**

**PINGPONG BERPASUKAN**

Jumaat, 2-3 Ogos 2024

Lokasi : Dewan Alamanda M.P. Jasin



LENSA SUKAN

KONTINJEN MBBJ BERAKSI DI SUKAN MALA 2024

Pada 1 hingga 4 Ogos 2024, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menghantar sebilangan kontinjen untuk beraksi di Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2024 Fasa 3 di Melaka. Antara sukan yang disertai oleh kontinjen MBBJ termasuklah acara berkonsep 'treasure hunt' iaitu Pandu Misteri, acara badminton berpasukan, acara karom dan ping pong berpasukan. Tahniyah atas pencapaian kontinjen MBBJ.

**Khamis , 15 Ogos 2024** | Program Semarak Merdeka telah berlangsung selama 3 hari bertempat di Angsana Johor Bahru Mall bermula 13 Ogos 2024 lalu dengan pelbagai pengisian seperti Pertandingan Kawad Kaki Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Piala Datuk Bandar Johor Bahru, Pertandingan Pementasan Mini Teater STEM, Pertandingan Didik Hibur Kad ASK, Pidato, Bercerita, Deklamasi Sajak, Dendangan Syair, Reka bentuk Doodle Setem Pos, kreativiti "one page exhibit" (poskad), dan Pertandingan Bicara Berirama Sekolah Rendah dan Menengah Daerah Johor Bahru.

Turut diadakan ialah pameran dan jualan daripada pelbagai agensi kerajaan seperti UTM, UTHM, UNIKL, PPAJ, Pos Malaysia, Persatuan Pengumpul Setem dan lain-lain lagi.

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Bicara Berirama Sekolah Rendah dan Menengah Daerah Johor Bahru telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Yahya bin Jaafar, Ahli Majlis MBBJ Zon Bandar Baru selaku wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru. Turut bersama hadir dalam majlis penyampaian hadiah pada hari ini ialah YBhg. Datuk Haji Abd Rashid bin Kasman, Ahli Majlis MBBJ Zon Kempas; Encik Abdul Gafar bin Sudin Ahli Majlis MBBJ Zon Larkin; Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Sanusi Ketua Penolong Pengarah Kanan JPNJ;

Encik Hishamuddin bin Abd Rahim, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Raja Zarifah Sofiah; Encik Imran bin Salleh, Ketua Pegawai Operasi, UDA Angsana Sdn. Bhd; dan Tuan Haji Saliman bin Selamat, Pegawai Pendidikan Daerah Johor Bahru serta pegawai-pegawai MBBJ, Dewan Bahasa dan Pustaka wilayah Selatan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru serta agensi kerajaan lain.

**Syabas, tahniah dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh barisan urusetia MBJB, DBP Wilayah Selatan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru, Angsana Johor Bahru Mall, Persatuan STEM Kebangsaan, Pertubuhan Guru Perpustakaan dan Media Malaysia, Pos Malaysia, dan seluruh agensi yang terlibat dalam menjayakan Program Semarak Merdeka 2024 ini.**

Keputusan Pertandingan Bicara Berirama Peringkat Daerah Johor Bahru:

Kategori Sekolah Rendah:

1. Johan – SK Nusa Perintis
2. Naib Johan – SK Kg Maju Jaya
3. Tempat Ke-3 – SK Taman Sutera

Kategori Sekolah Menengah:

1. Johan – SMK IJ Convent Johor Bahru
2. Naib Johan – SMK Sultanah Engku Tun Aminah
3. Tempat Ke-3 – Kolej Vokasional Perdagangan Johor Bahru

**Tahniah diucapkan kepada pemenang!**

# Program Semarak Merdeka

**BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN 2024**



**Sabtu , 17 Ogos 2024** | Telah berlangsung petang tadi Pertandingan Peringkat Akhir JB STAR 2024 di Atrium, Angsana Johor Bahru Mall.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ selaku wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru, diiringi oleh YBhg. Datuk Yahya bin Jaafar, Ahli Majlis Zon Bandar Baru Uda dan Puan Fadziina binti Abdul Malek, Pengarah Pembangunan Masyarakat MBBJ.

Masturah Azhar telah dinobatkan sebagai Juara JB STAR 2024 dengan tuah beliau membawakan lagu Skyfall (nyanyian asal Adele) dan Ghazal Untuk Rabiah (nyanyian asal Datuk Jamal Abdullah) dan membawa pulang hadiah bernilai RM3,000.00 beserta sijil dan piala.

Beliau yang juga turut memenangi Kategori Persembahan Terbaik dan Kategori Nyanyian Lagu Tradisional Terbaik turut membawa pulang wang tunai masing-masing bernilai RM300.00.

Naib Juara pula dimenangi oleh Mohammad Aiman bin Abdullah dengan lagu Cinta Harus Memiliki (nyanyian asal Anuar Zain) dan Keroncong Begawan Solo telah berjaya membawa pulang RM2,000.00 beserta sijil dan piala.

Sementara itu, Mohd Yazrul yang mempertandingkan lagu Jampi (nyanyian asal Hael Husaini) telah memenangi Tempat ke-3 dengan hadiah bernilai RM1,500.00 beserta sijil dan piala.

Mohd Yazrul juga turut memenangi Kategori Nyanyian Lagu Moden Terbaik dengan membawa pulang RM300.00.

Tahniah kepada para pemenang dan jumpa lagi di pertandingan yang akan datang!



## MAJLIS PENUTUP FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN PUTRAJAYA 2024 (FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2024)



**Ahad, 1 September 2024** | Majlis Bandaraya Johor Bahru telah berjaya memenangi *Garden Creative Award* di Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2024 (Floria Diraja Putrajaya 2024) anjuran Perbadanan Putrajaya dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan hari ini, dan hadiah telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Tpr. Fadhlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya.

Delegasi Majlis Bandaraya Johor Bahru diketuai oleh Timbalan Setiausaha, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad. Tahniah sekali lagi diucapkan kepada Jabatan Landskap di atas kejayaan ini dan berjaya mengekalkan imej dan reputasi Majlis Bandaraya Johor Bahru di persada landskap Malaysia dan Antarabangsa.

**Khamis, 22 Ogos 2024** | Majlis Bandaraya Johor Bahru telah berjaya memenangi *Garden Creative Award* di Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2024 (Floria Diraja Putrajaya 2024) anjuran Perbadanan Putrajaya dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan di Presint 2, Putrajaya.

Sebanyak 10 Organisasi Kerajaan dan 10 Agensi Korporat telah mengambil bahagian dalam pameran yang diadakan selama 11 hari (22 Ogos 2024 - 1 September 2024) bagi kategori *Government Garden Showcase* dan *Corporate Garden Showcase*.

Majlis Bandaraya Johor Bahru menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah atas limpah perkenan berangkat mencemar duli ke Majlis Perasmian Floria DiRaja 2024 dan seterusnya melawat ke pameran Laman MBBJ pada hari ini.

Delegasi Majlis Bandaraya Johor Bahru berjaya mengolah dan membina sebuah taman dengan idea yang segar bercirikan bangunan bersejarah Bukit Timbalan berkonsepkan '*Garden City of Johor Bahru*' dan telah melayakkan taman ini memenangi *Garden Creative Award*.

Tahniah diucapkan kepada Jabatan Landskap di atas kejayaan ini dan berjaya mengekalkan imej dan reputasi Majlis Bandaraya Johor Bahru di persada landskap Malaysia dan Antarabangsa.

## FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN PUTRAJAYA 2024 (FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2024)





## Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad

Beliau merupakan seorang pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang memegang jawatan sebagai Timbalan Setiausaha dan Pengarah Kejuruteraan J54 di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Beliau seorang yang komited dan tegas dalam kerjayanya dan mempunyai pengalaman dalam bidang kejuruteraan termasuk bahagian jalan, saliran dan bangunan dan telah berkhidmat lebih 20 tahun di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Oleh kerana pengetahuan yang mendalam dan kemahiran yang dimiliki, beliau juga pernah memegang mandat sebagai Pengarah Landskap, Pengarah Penguatkuasa, Pengarah Pelesenan dan Pengarah Pengangkutan Bandar di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Beliau memiliki latar belakang pendidikan yang baik dan memperoleh *Degree Of Bachelor Of Engineering With Honours First Class (1999), The University of Liverpool* dan *Master Of Technology Management (Technology) (2005), University Teknologi Malaysia*.

Selain bidang kejuruteraan dan saliran, Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad juga pernah bertugas sebagai Jurutera Syarikat Air Johor pada 2001 hingga 2024 dan menjadi Pegawai Penyelidik Universiti Teknologi Malaysia pada 1999 hingga 2001 sebelum berkhidmat di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Beliau juga pernah dilantik sebagai Jurutera Profesional pada 5 Februari 2009 dan pernah memegang jawatan dan portfolio sebagai Ahli Jawatankuasa *The Institution of Engineers, Malaysia*.

Antara aktiviti dalam dan luar organisasi yang melibatkan Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad antaranya seperti:-

- Ahli CIDB Malaysia
- Ahli IEM Malaysia
- Mendapat sijil *Johor Clay Target Shooting Association*
- Pengurus Bola Jaring MBBJ dan Pengurus Boling MBBJ
- Terlibat dengan aktiviti mendaki gunung bersama Kelab Rekreasi (Gunung Pulai, Gunung Lumut, Gunung Traspanti, Gunung Arong, Gunung Tasek Biru, Taman Sireh Park, Gunung Lambak, Gunung Berlumut, Gunung Ledang, Gunung Datuk Negeri Sembilan dan Gunung Kinabalu).

Beliau juga telah berjaya merangkul beberapa pencapaian dan pengiktirafan yang melonjakkan prestasi kerjaya beliau antaranya seperti:-

- Dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjungi Pangkat Ketiga Setia Mulia, Sultan Ibrahim Johor (SIJ) 2017.
- Mengetuai 'Team MBBJ' seramai 37 orang ke Ekspedisi Mendaki dan Menawan Puncak Gunung Kinabalu Sempena Ulang Tahun ke-30 Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Kejayaan demi kejayaan yang telah dikecapi oleh beliau menunjukkan bahawa kecemerlangan dan kemajuan kerjaya tidak akan terhasil tanpa keringat dan usaha tanpa lelah. Diharapkan kejayaan yang telah dicapai oleh beliau akan menjadi pembakar semangat dalam kalangan pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang lain untuk tetap fokus dan berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab kerjaya masing-masing. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad. Tetaplah bergemerlapan menggamit sinar kegemilangan.



# PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LAZI



22 MEI 2024 | SAMBUTAN HARI WESAK & ALAM SEKITAR ZON TIRAM DI DATARAN MUAFKAT TIRAM

17 JUN 2024 | PROGRAM "JOM KORBAN" ZON DESA JAYA DI MASJID TAMAN DESA JAYA



22 JUN 2024 | KEJOHANAN DAM HAJI ZON KG. MELAYU DI PARAGON MARKET PLACE



6 JULAI 2024 | PROGRAM "WE CARE, WE RISE" ZON TELUK DANGA DI KG. BAKAR BATU PERLING



7 JULAI 2024 | PROGRAM ANTI DADAH ZON KEBUN TEH DI DEWAN RAYA TAMAN PERBADANAN ISLAM KEBUN TEH



26 JULAI 2024 | PROGRAM KOMUNITI MADANI ZON KEMPAS DI PPR KEMPAS PERMAI



27 JULAI 2024 | PROGRAM "SND" ZON STULANG DI PANTAI STULANG LAUT



3 OGOS 2024 | JUALAN RAHMAH SEMPENA PROGRAM JIWA KOMUNITI MADANI ZON KEMPAS DI PPR KEMPAS PERMAI



**18 JULAI 2024**  
**SAMBUTAN MAAL HIJRAH**  
**PERINGKAT MBJB**



**30 OGOS 2024**  
**KONSERT JIWA MERDEKA @ DATARAN**  
**BANDARAYA JOHOR BAHRU**



**10 OGOS 2024**  
**JB CAR FREE MORNING EDISI OGOS**

# MBJB SANA SINI



**5 SEPTEMBER 2024**  
**LAWATAN KERJA YB NGA KORMING KE**  
**JOHOR BAHRU**



**12 - 15 OGOS 2024**  
**PERTANDINGAN KAWAD KAKI BADAN**  
**BERUNIFORM SEKOLAH PIALA DATUK**  
**BANDAR**



**5 SEPTEMBER 2024**  
**PERASMIAN PESTA TANGLUNG DI**  
**LEGARAN TAN HIOK NEE**



**27 OGOS 2024**  
**SAMBUTAN HARI PENDERMA DARAH**  
**SEDUNIA TAHUN 2024 PERINGKAT**  
**HOSPITAL SULTANAH AMINAH**  
**JOHOR BAHRU**



**7 SEPTEMBER 2024 PERTANDINGAN**  
**CALISTHENIC JOHOR BAHRU 2024**  
**@ TMIYC**

Dah bayar cukai harta?  
**JOM BAYAR CUKAI HARTA MBBJ!**  
Hujung jari anda sahaja.....



IMBAS QR KOD

### JADUAL WAKTU URUSAN KAUNTER SETEMPAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

#### MENARA MBBJ

AHAD - RABU : 8.00 PAGI - 4.00 PETANG  
KHAMIS : 8.00 PAGI - 3.00 PETANG  
WAKTU REHAT : 1.00 TENGAH HARI - 2.00 PETANG  
JUMAAT, SABTU & HARI KELEPASAN AM : TUTUP

#### PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

SETIAP HARI : 8.00 PAGI - 5.00 PETANG  
HARI KELEPASAN AM : TUTUP

#### PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA (07-386 1535)

AHAD - RABU : 9.00 PAGI - 4.00 PETANG  
KHAMIS : 9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI  
JUMAAT, SABTU & HARI KELEPASAN AM : TUTUP

#### PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA (07-357 3314)

AHAD - RABU : 9.00 PAGI - 4.00 PETANG  
KHAMIS : 9.00 PAGI - 3.00 PETANG  
JUMAAT, SABTU & HARI KELEPASAN AM : TUTUP

\*TERTAKLUK KEPADA PINDAAN



### MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

*Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien Dan Mesra  
Kepada Pelanggan*

#### MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,  
Bukit Senyum,  
80300 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim.

TALIAN AM: 07 - 219 8000

FAKS: 07 - 223 0619

TALIAN BEBAS TOL: 1 - 300 - 88 - 0146

WHATSAPP ADUAN: 019 - 778 8212



[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)

[mbjb.spab.gov.my](mailto:mbjb.spab.gov.my)

[info@mbjb.gov.my](mailto:info@mbjb.gov.my)